



# ANALISIS KEHUJAHAN ḤADĪTH DALAM PENGKAEDAHAN SINTAKSIS ARAB MENURUT AL-SUYŪṬI

(Analysis Of Ḥadīth Argument In Arabic Syntax Methods According To Al-Suyūṭi)

Roshimi Abdullah , Muhammad Ihsan bin Idris, Fathullah Asni<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)

## Abstract

Rasullullah SAW was endowed with eloquence in speaking which could not be denied by any Islamic scholar. However, the scholars of Arabic syntax (grammar) disagree on whether to accept or reject hadīth as a source of argument (*shahid*) in the method of Arabic syntax. This is the starting point of most hadīth utterances narrated with meaning and the occurrence of *lahn* (composition) on the hadīth utterance because it exists among narrators consisting of non-Arabs. Past studies show that among the Arabic syntactic figures who are said to reject hadīth in the Arabic syntactic method is al-Suyuti. However, some studies say he is in the middle, which is between accepting and rejecting it. In this regard, this study aims to see the discussion of researchers on al-Suyuti's views in accepting hadīth as a source of Arabic syntactic methodology. This study uses a qualitative approach with data acquisition methods utilising the analysis of the researchers' studies and their arguments. The findings show that al-Suyuti accepted hadīth as a source of argument in the Arabic syntax method but only accepted the hadīths narrated in the words of Rasulullah SAW and coincided with the Arabic syntax method. This can be evidenced by his views in the book of *al-Iqtirāh fī 'Ilm Uṣūl al-Naḥw* and he also brought many hadīths as arguments of Arabic syntactic methodology in his books that are *Ham' al-Hawāmi'* fī Sharḥ Jam' al-Jawāmi' and *al-Ashbāh wa al-Naẓā'ir fī al-Naḥw*.

**Kata Kunci:** *hadīth; syntax; Arabic language; figure; al-Suyuti.*

## Article Progress

Received: 6 August 2020

Revised: 15 October 2020

Accepted: 30 November 2020

\*Corresponding Author:  
Fathullah Asni, *Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)*  
Email: fathullah@kuips.edu.my

## PENDAHULUAN

Rasullullah SAW dikurniakan kefasihan dalam bertutur yang tidak dapat disangkal oleh mana-mana sarjana Islam (Maryam, 2016). Namun antara sumber sintaksis (*nahu*) Arab yang lain iaitu al-Qur'an, puisi dan prosa, pengambilan hadīth sebagai sumber penghujahan (*shahid*) kaedah sintaksis Arab menjadi perbincangan utama dalam kalangan sarjana sintaksis Arab generasi lewat (*muta'akhkhirin*). Mereka berselisih pendapat sama ada untuk menerima atau menolak hadīth sebagai sumber penghujahan dalam pengkaedahan sintaksis Arab (Tarīqī, 2020).

Hal ini bertitik tolak daripada timbulnya isu kebanyakan lafaz ḥadīth diriwayatkan dengan makna dan berlakunya gubahan (*lahn*) terhadap lafaz ḥadīth yang asal kerana terdapat dalam kalangan periwayat yang terdiri daripada bukan Arab (Askarī, 2010). Isu ini dibincangkan secara meluas kerana fokus ilmu sintaksis Arab adalah lafaz yang berbahasa Arab, iaitu lafaz ḥadīth itu sendiri (Maryam, 2016). Oleh yang demikian, metode sarjana sintaksis Arab terhadap penggunaan hadīth sebagai hujah terbahagi kepada tiga golongan, iaitu golongan yang menentang sepenuhnya berhujah dengan hadīth, golongan yang berada di pertengahan dan golongan yang mengharuskan berhujah (*istishhad*) dengan semua hadīth (Hadithi, 1974).

Antara sarjana yang terkenal dalam bidang sintaksis Arab ialah al-Suyuti yang turut terlibat dalam pembahagian golongan ini. Beliau dikatakan daripada golongan sarjana yang menolak hadīth sebagai hujah pengkaedahan sintaksis Arab (Abu 'Udah, 1994). Hal ini dapat dikenal pasti dalam kata-kata (Abu 'Udah, 1994). Timbul persoalan adakah benar al-Suyuti menolak hadīth dan tidak

menggunakannya sebagai hujah pengkaedahan sintaksis Arab? Hal ini kerana dalam karya *al-Iqtirah*, beliau telah menyenaraikan hadith sebagai sumber sintaksis Arab yang dipercayai kefasihannya (Suyutī, 1427H/2016). Sehubungan dengan itu, persoalan ini memerlukan pemerhatian yang khusus menerusi kajian ini.

Tambahan pula, Askari (2010) mengatakan al-Suyuti sangsi dalam isu kehujahan hadith dalam pengkaedahan sintaksis Arab. Pandangan ini juga diakui oleh al-Qaysi (2010) yang berpandangan al-Suyuti tidak berlebihan dalam isu ini dengan berada di pertengahan antara dua golongan yang menolak dan menerima keseluruhan hadith sebagai sumber kehujahan. Hal ini turut disokong oleh al-Baghdadi (1418H/1997) yang mengatakan al-Suyuti mengikut metode al-Shatibi yang merupakan pelopor golongan pertengahan ini. Pandangan ini menunjukkan terdapat percanggahan dengan pandangan sebelumnya yang mengatakan al-Suyuti menolak hadith sebagai hujah pengkaedahan sintaksis Arab.

Melalui perbincangan di atas, al-Suyuti dilihat antara tokoh sintaksis Arab yang dikatakan menolak hadith dalam pengkaedahan sintaksis Arab. Namun, terdapat kajian yang mengatakan beliau berada di pertengahan, iaitu di antara menerima dan menolaknya. Oleh itu, rasionalnya kajian ini dijalankan untuk mengkaji metode dan melihat penggunaan hadith oleh al-Suyuti sebagai sumber dan hujah kepada kaerah sintaksis Arab. Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang dijelaskan, terdapat persoalan yang perlu dirungkai bagi menganalisis metode al-Suyuti mengenai kehujahan hadith dalam sintaksis Arab? Bagi menjawab persoalan tersebut, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti dan menganalisis metode al-Suyuti mengenai kehujahan hadith dalam sintaksis Arab terutamanya berdasarkan dua karya beliau dalam bidang sintaksis Arab iaitu *Ham‘ al-Hawami‘ fi Sharh Jam‘ al-Jawami‘* dan *al-Ashbah wa al-Naza‘ ir fi al-Nahw*.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian mengenai hadith sebagai sumber kedua selepas al-Quran telah banyak dijalankan, tambahan pula ia merupakan antara sumber dalam bidang yang pelbagai (Maryam, 2016). Namun kajian ini hanya membataskan hadith sebagai sumber dan hujah dalam sintaksis Arab.

Antara penyelidikan yang melibatkan hadith dalam bidang sintaksis Arab ialah kajian Abu ‘Udah (1994) yang bertajuk *Bina’ al-Jumlah fi al-Hadith al-Nabawi al-Sharif fi al-Sahihayn*. Kajian ini berkaitan kaerah pembinaan ayat yang terdapat dalam dua kitab hadith yang sahih, iaitu *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* yang meliputi topik *al-Jumlah al-Khabariyyah*, *al-Jumlah al-Insha‘iyyah* dan *al-Jumlah al-Shartiyyah*. Pemilihan tajuk ini setelah didapati kajian mengenai sintaksis Arab dalam hadith kurang dijalankan seperti mana kajian yang dijalankan berkaitan al-Qur'an, apatah lagi kajian khusus yang memfokuskan kaerah pembinaan ayat dalam hadith. Kajian yang telah dijalankan hanya mengenai *Gharib al-Hadith*, *I‘rab al-Hadith* dan bentuk *al-Balahgah al-Nabawiyah*. Di akhir kajian ini, pengkaji meletakkan satu sub topik kecil bagi membahaskan isu kehujahan hadith dalam bidang sintaksis Arab. Hasil kajian mendapati kaerah sintaksis Arab yang diletakkan oleh ilmuan sintaksis Arab tidak bercanggahan dengan kaerah yang terdapat dalam hadith.

Adapun kajian Fajal (1997) yang bertajuk, *al-Hadith al-Nabawi fi al-Nahw al-‘Arabi* juga membincangkan isu sintaksis Arab yang terdapat dalam hadith. Kajian beliau bertujuan untuk membincangkan isu berhujah dengan hadith. Selain itu, beliau turut membahaskan sebanyak 110 masalah pengkaedahan sintaksis Arab oleh enam orang ilmuan yang mengarang kitab *sharh* (yang berbeza) kepada matan *Alfiyyah Ibn Malik*. Seterusnya, beliau mengemukakan hadith bagi setiap permasalahan tersebut dan beberapa pendapat mengenainya.

Selain itu ialah tesis Doktor Falsafah yang berjudul, ‘Kedudukan al-Sunnah di dalam Ilmu Sintaksis Arab’ oleh Badrul Munir (2000). Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan kedudukan sebenar hadith dalam bidang bahasa dan sintaksis Arab. Selain itu, kajian tersebut juga bertujuan untuk membuktikan hadith merupakan sumber bahasa dan sintaksis Arab setelah al-Qur'an serta hujah yang kuat dalam mengembangkan kedua-dua ilmu tersebut. Namun kajian ini hanya membincangkan penggunaan hadith

secara umum tanpa mengkhususkan ilmuwan yang menggunakan hadith sebagai sumber dalam pengkaedahan sintaksis Arab.

Terdapat juga tesis yang dihasilkan di Universiti Mu'tah oleh al-Mu'ayyatah (2010) yang memfokuskan pada ilmuwan sintaksis Arab dengan judul, *Ta'did Shahid al-Hadith al-Nabawi fi Kitab Shawahid al-Tawdih li Ibn Malik: Dirasah Tahliliyyah Ta'siliyyah*. Kajian ini membahaskan penggunaan hadith dalam pengkaedahan sintaksis Arab oleh Ibn Malik yang merupakan antara ilmuwan yang menggunakan hadith sebagai hujah pengkaedahan sintaksis Arab. Oleh itu, sudah pasti hujah hadith digunakan dan dititikberatkan sama seperti sumber lain. Hal ini dibuktikan lagi bahawa karya Ibn Malik tersebut ialah karya yang memfokuskan pada hujah hadith dalam pengkaedahan sintaksis Arab.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang memfokuskan pada al-Suyuti. Kajian ini berjudul *Penggunaan Shāhid ḥadīth oleh al-Suyūtī dalam Kitab Ham‘ al-Hawāmi‘ fi Sharḥ Jam‘ al-Jawāmi‘*, oleh Maryam Md Rofiee & Md. Nor Abdullah (2016). Kajian ini membincangkan penggunaan *shāhid* hadith oleh al-Suyuti dalam karya beliau yang membahaskan tentang kaedah tatabahasa Arab, iaitu *Ham‘ al-Hawāmi‘ fi Sharḥ Jam‘ al-Jawāmi‘* dan hanya memfokuskan pada bab *al-‘Umad* sahaja. Dapatkan kajian ini menunjukkan al-Suyuti telah menggunakan ḥadīth sebagai *shāhid* pengkaedahan sintaksis Arab dalam bab tersebut. Namun, hanya terdapat 27 sahaja penggunaan *shāhid* hadith dalam bab *al-‘Umad* berbanding *shāhid* al-Qur'an dan puisi.

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat perlu dilakukan kajian terhadap perbincangan para pengkaji terhadap metode al-Suyuti dalam menerima dan menggunakan hadith sebagai sumber pengkaedahan sintaksis Arab kerana beliau disenaraikan sebagai salah seorang ilmuwan yang berada di pertengahan, malah terdapat pendapat lain yang mengatakan beliau menolak hujah hadith dalam pengkaedahan sintaksis Arab.

### **Ketokohan al-Suyuti dalam bidang Hadith dan Bahasa Arab**

Al-Suyūtī pada zamannya dianggap tokoh yang paling mahir dalam bidang ilmu ḥadīth merangkumi segala cabang ilmunya meliputi sanad, matan dan *istinbāt* (kaedah mengeluarkan) hukum daripada ḥadīth (Ibn al-‘Imād, 1406H/1986).

Beliau telah meninggalkan khazanah ilmu yang besar dalam bentuk karya-karya yang bermutu mencakupi pelbagai bidang ilmu-ilmu Pengajaran Islam dan bahasa Arab seperti tafsir, ulum al-Quran, ḥadīth, ulum ḥadīth, fiqh, kaedah fiqh, nahu, ṣarf, balaghah dan adab. Antara karya beliau dalam bidang hadith dan Bahasa Arab ialah *Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī*, *Sharḥ al-Alfiyyah al-‘Irāqī*, *al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr*, *al-Muzhīr fī ‘Ulūm al-Lughah*, *al-Iqtirāh fī Usūl al-Naḥw*, *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir fī al-Naḥw*, *Jam‘ al-Jawāmi‘* berserta syarah iaitu *Ham‘ al-Hawāmi‘ fī Sharḥ Jam‘ al-Jawāmi‘* (Baghdādī I. b., 1951).

Ketokohan al-Suyuti juga dapat dilihat melalui hasil karya beliau dalam bidang sintaksis Arab iaitu *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir fī al-Naḥw*. Isi kandungan kitab ini dianggap hasil cetusan yang baru dalam perbincangan ilmu sintaksis Arab. Melalui karya ini, beliau juga tersenarai dalam kalangan sarjana sintaksis Arab sehingga pendapat-pendapatnya dibincangkan dalam penulisan dan kajian-kajian sarjana kontemporari (Abdullah, 2019).

Justeru, pemilihan kajian terhadap al-Suyuti ini dilakukan kerana beliau merupakan salah seorang daripada tokoh ilmuwan yang masyhur dalam bidang ḥadīth, dalam masa yang sama beliau juga terkenal dalam bidang sintaksis Arab. Hal ini berdasarkan karya-karya yang dihasilkan sehingga menjadi rujukan para sarjana terkemudian dalam kedua-dua bidang tersebut. Tambahan pula beliau telah menghasilkan karya yang membincangkan sumber-sumber dalam pengkaedahan sintaksis Arab iaitu *al-Iqtirāh fī Usūl al-Naḥw*.

### **Kehujahan ḥadīth dalam Sintaksis Arab**

Para ilmuan sintaksis Arab generasi lewat (*muta’akhkhirīn*) bersetuju pendapat tentang keharusan berhujah dengan ḥadīth dalam perbahasan sintaksis Arab. Dalam hal ini, terdapat tiga pandangan iaitu mengharuskan berhujah dengan ḥadīth, tidak mengharuskannya dan pertengahan antara mengharuskan dan tidak mengharuskannya (Askarī, 2010).

- (1) Pandangan pertama didokong oleh dua orang tokoh ilmuan sintaksis Arab iaitu Ibn al-Dā’i<sup>1</sup> dan muridnya Abū Ḥayyān. Mereka menafikan sarjana yang berhujah dengan ḥadīth dalam perbahasan kaedah sintaksis Arab lalu mengemukakan tiga sebab utama yang menguatkan pandangan mereka iaitu ilmuan sintaksis Arab generasi awal yang meletakkan asas ilmu sintaksis Arab dalam kalangan ilmuan *Baṣriyyīn* dan *Kūfiyyīn* tidak berhujah dengan ḥadīth dalam menetapkan kaedah-kaedah sintaksis Arab. Begitu juga kebanyakan ilmuan sintaksis Arab *muta’akhkhirīn* daripada berbagai aliran juga mengikuti jejak langkah ilmuan generasi awal. Antara sebab lainnya ialah ketidakyakinan ilmuan sintaksis Arab terhadap matan ḥadīth adalah daripada lafaz Nabi SAW sendiri kerana keharusan riwayat dengan makna serta berlakunya *lahn* dalam periyawatan ḥadīth daripada perawi-perawi dalam kalangan bukan Arab (Suyutī, 1427H/2016).
- (2) Pandangan kedua yang terdiri daripada beberapa sarjana sintaksis yang lain mengharuskan berhujah dengan ḥadīth dalam perbahasan kaedah sintaksis Arab seperti Abū al-Barakāt Ibn al-Anbārī yang menyatakan bahawa ḥadīth-ḥadīth yang *mutawātir* merupakan dalil atau sumber dalam ilmu sintaksis Arab. Begitu juga beberapa sarjana lain seperti al-Suhaylī, Ibn Kharūf dan Ibn Mālik yang bersetuju dengan pandangan ini dengan mengaplikasikan penghujahan ḥadīth dalam kitab-kitab mereka. Antara hujah mereka ialah *ijmā‘* (kesepakatan) para ilmuan tentang kefasihan Nabi SAW, sanad ḥadīth lebih kuat daripada sanad syair Arab dan periyawatan ḥadīth pada asalnya berdiri di atas riwayat dengan lafaz kerana para ilmuan ḥadīth sangat mengambil berat tentang ketepatan lafaz ḥadīth-ḥadīth yang diriyawatkan (Khiḍr, 1380H/1960).
- (3) Pandangan ketiga iaitu pertengahan antara mengharuskannya dan tidak mengharuskannya. Pandangan ini didokong oleh ilmuwan yang datang kemudian iaitu Abū Ishāq al-Shāṭibī yang membahagikan ḥadīth dari sudut lafaz kepada dua bahagian iaitu bahagian yang menekankan nukilan dengan lafaz seperti ḥadīth-ḥadīth yang menunjukkan kefasihan Nabi SAW dan ḥadīth-ḥadīth yang mengandungi peribahasa (*al-Amthāl al-Nabawiyyah*), ḥadīth-ḥadīth seperti ini seharusnya dijadikan hujah dalam kaedah nahu. Manakala bahagian kedua ialah ḥadīth-ḥadīth yang tidak menekankan nukilan dengan lafaz tetapi hanya sekadar makna, ḥadīth-ḥadīth ini tidak dijadikan hujah (Baghdādī A. a.-Q., 1418H/1997).

Manakala kebanyakan sarjana semasa (*mu’āṣirīn*) juga turut mengambil pandangan pertengahan ini antaranya Muḥammad al-Khiḍr Ḥusayn yang telah meletakkan enam garis panduan untuk berhujah dengan ḥadīth dalam bahasa umumnya. Enam garis panduan tersebut ialah:

1. ḥadīth-ḥadīth yang menunjukkan kesempurnaan kefasihan Rasulullah SAW.
2. ḥadīth-ḥadīth yang mengandungi lafaz ibadah atau suruhan untuk beribadah dengannya seperti lafaz qunūt, tahiyyāt dan zikir-zikir serta doa-doa yang diamalkan pada waktu-waktu tertentu.
3. ḥadīth-ḥadīth yang diriyawatkan sebagai bukti bahawa Nabi SAW bertutur dengan setiap kabilah Arab menggunakan bahasa atau lajhah mereka.
4. ḥadīth-ḥadīth yang diriyawatkan melalui jalur riwayat yang banyak tetapi lafaznya sama.
5. ḥadīth-ḥadīth yang dibukukan oleh ilmuan yang hidup dalam suasana orang Arab yang masih kekal keaslian bahasanya seperti Mālik bin Anas, ‘Abd al-Mālik bin Jurayj dan al-Shāfi‘ī.
6. ḥadīth-ḥadīth yang diriyawatkan oleh para perawi yang dikenali berpandangan tidak membenarkan periyawatan ḥadīth dengan makna seperti Ibn Sirīn, al-Qāsim bin Muhammad, Rajā’ bin Ḥaywah dan ‘Alī bin al-Madīnī (Khiḍr, 1380H/1960).

Muhammad al-Khidr Husayn kemudiannya membuat rumusan pandangannya dengan mengatakan bahawa harus berhujah dengan lafaz-lafaz ḥadīth yang diriwayatkan dalam kitab-kitab yang ditulis pada kurun-kurun terawal kecuali lafaz-lafaz ḥadīth yang terdapat dalam riwayat *shadh* atau riwayat-riwayat yang terdapat kesalahan (*al-ghalat*) dan *al-taṣḥīf* oleh sebahagian *muḥaddithīn* (Khidr, 1380H/1960). Al-Rumhī (2007) juga dalam kajian *takhrīj* beliau terhadap ḥadīth-ḥadīth yang dijadikan hujah oleh Ibn Mālik dalam kitab *Sharḥ al-Tashīl* menyatakan keharusan berhujah dengan ḥadīth dalam perbahasan kaedah sintaksis Arab.

Rumusannya, berdasarkan ketiga-ketiga pandangan berkaitan kehujahan ḥadīth dalam ilmu sintaksis Arab di atas dapatlah disimpulkan bahawa harus berhujah dengan ḥadīth dalam perbahasan kaedah sintaksis Arab berpandukan beberapa garis panduan yang telah digariskan oleh Muhammad al-Khidr Husayn di samping melakukan kajian secara praktikal terhadap jalur-jalur riwayat ḥadīth yang menatijahkan keadaan status ḥadīth tersebut sebelum dijadikan hujah.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah perolehan data menggunakan analisis kajian para pengkaji dan hujah-hujah mereka. Antara kaedah yang digunakan bagi menghasilkan kajian ini ialah kaedah pengumpulan data. Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan sebagai kaedah utama. Kajian kepustakaan dipilih kerana tajuk kajian ini memerlukan kepada pengumpulan maklumat dan data yang boleh diperolehi di perpustakaan. Oleh yang demikian, maklumat, fakta dan data berkaitan tajuk dikumpul daripada pelbagai sumber sama ada daripada buku-buku, tesis, jurnal, artikel dan juga majalah.

Selain itu, kaedah analisis data juga digunakan melalui kaedah deduktif yang digunakan dalam kajian ini ketika meneliti pandangan-pandangan para pengkaji kemudian memfokuskan perbincangan tentang kehujahan ḥadīth menurut al-Suyūṭī berdasarkan komentar daripada para pengkaji di dalam sumber-sumber rujukan. Selain kaedah deduktif, kaedah induktif juga digunakan, melalui kaedah ini rumusan akan dibuat atau mengambil pandangan para sarjana lain terhadap data khusus yang diperolehi menjadi kesimpulan umum (Marican, t.t). Justeru, kajian ini akan mengumpul maklumat dan data berkaitan tajuk kemudian ditafsirkan untuk membuat kesimpulan umum yang bersesuaian.

## HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### Metode Al-Suyuti Terhadap Kehujahan Hadith Dalam Pengkaedahan Sintaksis Arab

Al-Suyuti merupakan antara sarjana yang mempunyai karya dalam bidang sintaksis Arab seperti *Ham'*, *al-Hawāmi'* fi *Sharh Jam'* *al-Jawāmi* dan *al-Ashbāh wa al-Naẓā'ir fi al-Nahw*. Seperti sarjana lain, beliau turut menggunakan sumber-sumber kehujahan sintaksis Arab bagi menyokong dan mengukuhkan kaedah sintaksis Arab dalam penulisannya. Malah beliau juga mempunyai hasil karya mengenai sumber-sumber sintaksis Arab, iaitu *al-Iqtirah fi 'Ilm Usul al-Nahw*.

Dalam karya *al-Iqtirah*, al-Suyuti (1427H/2016) telah menggariskan hadith merupakan antara sumber pengkaedahan sintaksis Arab yang dipercayai kefasihannya. Namun berdasarkan pendapatnya pada awal perbahasan mengenai sumber hadith, beliau dilihat seperti tidak menerima keseluruhan hadith sebagai sumber kehujahan kaedah-kaedah sintaksis Arab kerana terdapat hadith yang diriwayatkan dengan makna, manakala lafaznya daripada perawi seperti mana kata beliau (Suyūṭī, 1427H/2016):

وَمَا كَلَمْهُ فَيُسْتَدِلُّ مِنْهُ بِمَا ثَبَّتَ أَنَّهُ قَالَ عَلَى الْفَظْوِ الْمَرْوِيِّ، وَذَلِكَ نَادِرًا جَدًّا، إِنَّمَا يُوجَدُ فِي الْأَحَادِيثِ الْقِصَارِ  
عَلَى قِلَّةِ أَيْضًا، فَإِنَّ غَالِبَ الْأَحَادِيثِ مَرْوِيٌّ بِالْمَعْنَى، وَقَدْ تَدَاوَلُتْهَا الْأَعْاجِمُ وَالْمُؤْلَدُونَ قَبْلَ تَدوِينِهَا، فَرَوَّهَا بِمَا  
أَدَّتْ إِلَيْهِ عَبَارُّهُمْ فَرَادُوا وَنَقْصُوْا، وَقَدَّمُوا وَأَخْرُوْا، وَأَبْدَلُوا الْفَاظًا بِالْفَاظِ، وَهَذَا تَرَى الْحَدِيثُ الْوَاحِدُ فِي الْقِصَّةِ  
الْوَاحِدَةِ مَرْوِيًّا عَلَى أُوْجَهِ شَيْءٍ بِعَبَارَاتٍ مُخْتَلِفَةٍ.

*“Adapun ungkapan Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan dengan lafaz Baginda telah digunakan sebagai dalil. Namun periyawatan hadith dengan lafaz Baginda jarang berlaku dan jumlahnya hanyalah sedikit sahaja. Ini kerana kebanyakannya hadith diriwayat dengan makna. Hadith telah diterima oleh orang ajam dan golongan al-muwalladun sebelum dilakukan pembukuan hadith lagi. Ini menyebabkan mereka telah meriwayatkan hadith dengan menambah atau mengurangkan, mengawal atau mengakhirkan, malah menukar sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain. Oleh sebab itu, terdapat hadith yang menceritakan tentang sesuatu isu tetapi diriwayatkan dengan bentuk dan lafaz yang berbeza”.*

Berdasarkan kata-kata tersebut, al-Suyuti telah digolongkan oleh sebahagian ilmuan *mu’āfirīn* sebagai kelompok pertengahan, iaitu tidak menolak dan tidak menerima keseluruhan hadith sebagai hujah dalam ilmu sintaksis Arab. Hal ini dapat dilihat melalui pandangan al-Qaysī yang berpendapat al-Suyūtī berada di pertengahan antara dua golongan yang menolak dan menerima keseluruhan ḥadīth (Al-Qaysī, 2010). Pandangan ini turut diakui oleh al-Baghhdadī yang mengatakan al-Suyūtī mengikut jejak langkah al-Shāṭibī yang merupakan pelopor golongan pertengahan ini (al-Baghhdadī, 1418H/1997).

Walau bagaimanapun, beliau dilihat seolah-olah lebih cenderung kepada menolak hadith kerana telah mengemukakan pendapat Ibn al-Da’ī dan Abu Hayyan dalam isu kehujahan hadith sebagai sumber pengkaedahan sintaksis Arab dalam kitab beliau, *al-Iqtirāh fi ‘Ilm Usul al-Nahw*. Pendapat tersebut bercanggah dengan Ibn Malik yang telah mencipta kaerah sintaksis Arab berdasarkan hadith. Hal ini memandangkan Ibn al-Da’ī dan Abu Hayyan merupakan sarjana yang dikenali dengan golongan yang menolak hadith untuk dijadikan sumber dalam pengkaedahan sintaksis Arab, manakala Ibn Malik pula tergolong dalam golongan yang menerima sepenuhnya kehujahan hadith.

Ibn al-Tayyib (1983) menyatakan bahawa al-Suyuti menyokong dan bersetuju dengan pandangan Ibn al-Da’ī dan Abu Hayyan. Al-Mukhtar (2001) juga menyatakan bahawa al-Suyuti tidak mengikut metode Ibn Malik dalam teori menjadikan hadith sebagai hujah, walaupun beliau daripada kalangan sarjana besar hadith. Hal ini menunjukkan al-Suyuti menolak hadith sebagai hujah kerana Ibn Malik antara sarjana yang menerima sepenuhnya dan menggunakan hadith sebagai hujah pengkaedahan sintaksis Arab dalam karya-karya beliau. Pandangan ini dapat dikuatkan lagi dengan pernyataan al-Suyūtī sendiri dalam kitab *al-Iqtirāh* yang mengemukakan hujah untuk menguatkan pandangan Ibn al-Da’ī dan Abū Hayyān (Suyūtī, 1427H/2016).

Tambahan pula dalam kitab *Ham‘ al-Hawāmi‘*, al-Suyuti (1998) telah menyangkal pendapat Ibn Malik yang menetapkan sesuatu kaerah sintaksis Arab berdasarkan hadith kerana lafaz hadith tersebut telah ditukar oleh perawi. Hal ini bukan bermaksud al-Suyuti menolak kehujahan hadith, tetapi kerana hadith tersebut diriwayatkan dengan makna dan bersalahan dengan kaerah sintaksis Arab. Malah al-Suyuti turut menggunakan hadith sebagai hujah pengkaedahan sintaksis Arab dalam kitab tersebut. Ini dikuatkan lagi dengan pendapat Bawadi (t.t) yang menerangkan metode al-Suyuti dalam isu berhujah dengan hadith dalam kitab *Ham‘ al-Hawāmi‘* bahawa al-Suyuti hanya menggunakan hadith yang bertepatan dengan kaerah sintaksis Arab sebagai hujah dan meninggalkan hadith yang bertentangan dengan kaerah tersebut.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada karya-karya al-Suyūtī dalam ilmu sintaksis Arab, beliau turut menggunakan ḥadīth sebagai hujah dalam pengkaedahan sintaksis Arab. Beliau telah mendatangkan sebanyak 27 buah ḥadīth sebagai hujah pada bab al-‘Umad dalam kitab *Ham‘ al-Hawāmi‘ fī Sharḥ Jam‘ al-Jawāmi‘* seperti mana yang dinyatakan oleh Maryam dan Md. Nor (Maryam, 2016). Manakala dalam kitab *al-Ashbah wa al-Naza‘ir fī al-Nahw* pula, beliau telah mendatangkan 24 buah hadith *sahih* dan sebuah hadith *hasan* sebagai hujah dalam pengkaedahan sintaksis Arab (Abdullah, 2019).

Perkara ini menunjukkan bahawa beliau menerima ḥadīth sebagai sumber penghujahan dalam kaerah sintaksis Arab tetapi tidak menerima keseluruhan ḥadīth dan tidak menolak sepenuhnya. Beliau hanya menerima ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan dengan lafaz Rasulullah SAW dan bertepatan dengan

kaedah sintaksis Arab. Hal ini berasaskan pernyataan beliau dalam *al-Iqtirāh* yang telah menggariskan ḥadīth antara sumber kaedah Nahu dan menyatakan ḥadīth yang diriwayatkan dengan lafaz sahaja boleh dijadikan hujah. Perkara ini juga dikuatkan dengan pendapat Bawādī yang menerangkan metode al-Suyūtī dalam berhujah dengan ḥadīth dalam kitab *Ham‘ al-Hawāmi‘* iaitu beliau hanya menggunakan ḥadīth yang bertepatan dengan kaedah sintaksis Arab sebagai hujah (Bawādī, t.t). Justeru, al-Suyūtī dapatlah digolongkan dalam kalangan ilmuan yang berada di pertengahan iaitu menerima ḥadīth yang bertepatan dengan kaedah sintaksis Arab dengan hujah bahawa ḥadīth tersebut mestilah terdiri daripada ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan dengan lafaz bukan dengan makna. Dengan ini ternafilah pandangan yang mengatakan beliau menolak penghujahan ḥadīth dalam kaedah sintaksis Arab.

Bersandarkan kenyataan di atas, al-Suyuti berada dalam kelompok pertengahan. Hal ini bermaksud beliau tidak menerima keseluruhan hadith dan juga tidak menolak sepenuhnya. Ini berasaskan pandangan beliau dalam *al-Iqtirāh* yang menggariskan hadith sebagai ungkapan yang fasih. Setelah itu beliau mengatakan pula kebanyakan hadith diriwayat dengan makna, adapun yang dijadikan dalil ialah hadith yang diriwayatkan dengan lafaz. Kesimpulannya, al-Suyuti juga menggunakan hadith sebagai sumber pengkaedahan sintaksis Arab, tetapi hanya hadith yang bertepatan dengan kaedah sintaksis Arab dan diriwayatkan dengan lafaz Nabi Rasulullah SAW.

## KESIMPULAN

Ketokohan dan keperibadian al-Suyuti dalam bidang akademik terserah hasil daripada didikan bapanya sejak dari kecil. Malah, seawal usia 17 tahun beliau diberi ijazah untuk mengajar bahasa Arab. Ini menunjukkan pengetahuan beliau mengenai ilmu bahasa Arab dan tatabahasa Arab sangat luas. Tambahan pula, terdapat banyak hasil penulisannya dalam bidang ini, antaranya yang masyhur dalam bidang tatabahasa Arab seperti *Ham‘ al-Hawāmi‘ fi Sharh Jam‘ al-Jawāmi‘* dan *al-Ashbah wa al-Naza‘ir fi al-Nahw*. Manakala dalam bidang sumber tatabahasa Arab pula ialah seperti *al-Iqtirāh fi ‘Ilm Usul al-Nahw*.

Sumber sintaksis Arab memainkan peranan penting dalam menyokong pengkaedahan sintaksis Arab yang diletakkan oleh ulama dan antara sumber ini ialah hadith. Penggunaan hadith sebagai *shahid* dalam pengkaedahan sintaksis Arab tidak mendapat sambutan yang baik seperti sumber sintaksis Arab yang lain dalam kalangan sesetengah ulama, walaupun ia merupakan kalam Nabi Muhammad SAW yang telah terbukti kefasihannya.

Adapun al-Suyuti tergolong dalam kalangan golongan yang berada di pertengahan, iaitu menerima hadith yang bertepatan dengan kaedah sintaksis Arab dan menolak hadith yang bertentangan dengan dalil bahawa ia ialah ungkapan perawi yang telah diriwayatkan dengan makna. Ini dibuktikan dalam karya beliau yang memuatkan sejumlah *shahid* hadith dan hujah beliau kerana menolak hadith yang digunakan oleh segelintir sarjana. Dengan penggunaan tersebut, ternafilah pendapat yang mengatakan beliau menolak hadith sebagai sumber penghujahan dalam sintaksis Arab.

## RUJUKAN

- Abd al-‘Aziz, M. H. (1995). *al-Qiyas fi al-Lughah al-‘Arabiyyah*. Madinat Nasr: Dar al-Fikr.
- Abu ‘Udah, ‘. K. (1994). *Bina’ al-Jumlah fi al-Hadith al-Nabawi al-Shariffi al-Sahihayn*. ‘Amman: Dar al-Bashir.
- Abu Udah, U. K. (1994). *Binā’ al-Jumlah fī al-Ḥadīth al-Nabawī al-Shārif fī al-Ṣaḥīḥayn*. Amman: Dar al-Bashīr.
- Ahmad, A. R. (1999). Al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūtī. *Jurnal Usuluddin*, 9, 1-20.

- al-Baghdaðī, A. a.-Q. (1418H/1997). *Khazānah al-Adab wa Lubb Lubāb Lisān al-‘Arab* (Vol. 4). Kaherah: Maktabah al-Khānjī.
- Al-Qaysi, A. a.-M. (2010). Qaðiyah al-Istishhād bi al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf fi al-Naḥw al-‘Arabī. *Majallaḥ al-Islām fi Asiyā*, 79-89.
- Askarī, M. S. (2010). al-Istishhād bi al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf ‘ind al-Lughawiyyīn. *Majalaḥ Āfāq al-Ḥadārah al-Islāmiyyah*, 13(2), 97-113.
- Baghdādī, A. a.-Q. (1418H/1997). *Khazānah al-Adab wa Lubb Lubāb Lisān al-‘Arab* (Vol. 4). Kaherah: Maktabah al-Khānjī.
- Baghdādī, I. b. (1951). *Hadiyyah al-‘Ārifīn Asmā’ al-Mu’allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Bawādī, M. (t.t.). *Alfaz al-‘Aqā’id wa al-‘Ibādāt wa al-Mu‘āmalāt fī Ṣahīḥ al-Bukhārī, Dirāsaḥ Dalāliyyah*. Setif, Algeria: Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Universiti Ferhat Abbas.
- Fajal, M. (1997). *al-Ḥadīth al-Nabawī fī al-Naḥw al-‘Arabī*. Riyadh: Adwā’ al-Salaf.
- Ghazzī, N. a.-D. (1418H/1997). *al-Kawākib al-Sā’irah bi A‘yān al-Mi’ah al-Āshirah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Hadithi, K. -a. (1974). *al-Shahid wa Usul al-Nahw fī Kitab Sibawayh*. t.tp: Matbu‘ah Jami‘at al-Kuwayt.
- Hadīthī, K. a. (1981). *Mawqif al-Nuḥah min al-Iḥtijāj bi al-Ḥadīth al-Sharīf*. Bagdad: Dār al-Rashid.
- Ḩamdī, A. a.-F. (1431H/2010). *Mukadimah al-Iqtirāh fī ‘Ilm Uṣūl al-Naḥw oleh al-Suyūṭī* (Vol. 4). Kaherah: Maktabah al-Ādāb.
- Ibn al-‘Imād, A. a.-H. (1406H/1986). *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab* (Vol. 1). Damsyik: Dār Ibn Kathīr.
- Ibn al-Tayyib, M. a.-F. (1983). *Sharah Kifayat al-Mutahaffiz 9Tahrir al-Riwayah fī Taqrir al-Kifayah*. Riyad: Dar ‘Ulum.
- Ibn al-Tayyib, M. a.-F. (1983). *Sharḥ Kifāyah al-Mutahaffiz (Taḥrīr al-Riwayah fī Taqrīr al-Kifāyah)*. Riyad: Dar ‘Ulum.
- Ibn Ṭūlūn, S. a.-D. (1418H/1998). *Mufākahah al-Khillān fī Hawādith al-Zamān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Kahālah, U. b. (t.t.). *Mu‘jam al-Muallifīn Tarājim Muṣannifī al-Kutub al-‘Arabiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Kamilin, A. K. (2017). *200 Soal Jawab Hadis* (Vol. 1). Shah Alam: Karya Bestari.
- Khiḍr, M. H. (1380H/1960). *Dirāsāt fī al-‘Arabiyyah wa Tārīkhīhā* (Vol. 2). Damsyik: al-Maktab al-Islami, Maktabah Dar al-Fath.
- Marican, S. (t.t.). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Prentice Hall.
- Maryam, M. R. (2016). Penggunaan Shāhid Ḥadīth oleh al-Suyūṭī dalam Kitab Ham‘ al-Hawāmi‘. *Jurnal Islāmiyyāt*, 38(2), 131-139.

- Mu'ayatah, B. M.-a. (2010). *Ta'did shahid al-hadith al-Nabawi fi Kitab Shawahid al-Tawdih li Ibn Malik: Dirasah Tahliliyyah Ta'siliyyah*. Mu'tah: Universiti Mu'tah.
- Muhibbī, M. A. (t.t). *Khulāṣah al-Athar fī A'yān al-Qarn al-Ḥādī 'Ashar*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Mukhtār, M. a. (2001). al-Imām al-Suyūṭī al-Nahwi wa Makānatuh fī Madrasah Ibn Mālik. In M. T. Alī, *al-Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī Fiqhiyyan wa Lughawiyyan wa Muḥaddithan wa Mujtahidan* (p. 197). Beirut: Dār al-Taqrīb Bayna al-Madh.
- Nur, B. M. (2000). *Kedudukan al-Sunnah di dalam Ilmu Tatabahasa Arab*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rumhī, M. K. (2007). *Shawāhid Ibn Mālik min al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf fī Kitāb Sharḥ al-Tashīl Takhrīj wa Dirāsah*. Amman: Universiti Jordan.
- Sakhawī, S. a.-D.-K.-R. (t.t). *al-Daw' al-Lāmi' li Ahl al-Qarn al-Tāsi'*. Beirut: Dār Maktabah al-Hayāh.
- Suyūṭī, A. a.-R. (1387H/1967). *Ḩusn al-Muḥādarah fī Tārīkh Miṣr wa al-Qāhirah* (Vol. 1). Kaherah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Suyūṭī, A. a.-R. (1399H/1979). *Bughyah al-Wu'āh fī Ṭabaqāt al-Lughawiyyīn wa al-Nuḥāh* (Vol. 2). Beirut: Dār al-Fikr.
- Suyūṭī, A. a.-R. (1427H/2016). *al-Iqtirāh fī Uṣūl al-Naḥw* (Vol. 2). Damsyik: Dār al-Bayrūtī.
- Suyūṭī, A. a.-R. (1927). *Nazm al-İqyān fī A'yān al-A'yān*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Tantawī, M. a. (1426H/2005). *Nash'ah al-Naḥw wa Tārīkh Ashhur al-Nuḥāh* (Vol. 1). Kaherah: Dār al-Ma'ārif, Maktabah Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Tāriq, b. ' (1424H/2003). *Mukadimah Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwī* (Vol. 1). Riyadh: Dār al-'Āsimah.
- Tāriqī, Y. b. (2020). *Mawāqif al-Nuḥāt min al-Iḥtijāj bi al-Ḥadīth*. Retrieved from [www.alukah.net/literature\\_language/0/92682/#ixzz5KInmJWKe](http://www.alukah.net/literature_language/0/92682/#ixzz5KInmJWKe)